



Lembaga Urus Air Selangor

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
KELULUSAN TEKNIKAL DAN  
PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

**VERSI 1.0**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

## MAKLUMAT DOKUMEN

---

**Tajuk** : **Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Lembaga Urus Air Selangor**

**Versi** : **1.0**

**Tarikh Kuat Kuasa** :

---

## REKOD PINDAAN DOKUMEN

TARIKH	VERSI	KETERANGAN PINDAAN
	1.0	-

---

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>4</b>
<b>GLOSARI.....</b>	<b>5</b>
<b>TUJUAN.....</b>	<b>6</b>
<b>STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT.....</b>	<b>7</b>
<b>KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA PEMANDU ICT(JPICT).....</b>	<b>8</b>
<b>KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT(JTICT).....</b>	<b>10</b>
<b>TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT.....</b>	<b>11</b>
<b>PEMAKAIAN.....</b>	<b>12</b>
<b>TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL.....</b>	<b>13</b>
<b>PENUTUP.....</b>	<b>13</b>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Lembaga Urus Air Selangor	14
Lampiran B	Borang Kajian Pasaran Projek ICT	15
Lampiran C	Format Kertas Cadangan	17
Lampiran D	Slaid Pembentangan	23
Lampiran E	Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT	24
Lampiran F-1	Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT (Peringkat JTICT)	25
Lampiran F-2	Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT (Peringkat JPICT)	26

## GLOSARI

---

<b>UTM</b>	<b>Unit Teknologi Maklumat</b>
<b>ICT</b>	<b><i>Information and Communication Technology</i></b> <b>((Teknologi Maklumat dan Komunikasi)</b>
<b>PSTM</b>	<b>Pelan Strategik Teknologi Maklumat</b>
<b>JTICT</b>	<b>Jawatankuasa Teknikal ICT</b>
<b>JPICT</b>	<b>Jawatankuasa Pemandu ICT</b>
<b>BPM</b>	<b>Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor</b>
<b>LUAS</b>	<b>Lembaga Urus Air Selangor</b>

---

## 1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kepada semua kakitangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berkenaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) yang mengurus setia di Unit Teknologi Maklumat (UTM), LUAS serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di LUAS.
- 1.2. Garis panduan ini diwujudkan dengan merujuk kepada jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan juga peraturan sedia ada yang masih berkuat kuasa. Antaranya ialah:
  - 1.2.1. Struktur tadbir urus JITIK telah diperkukuhkan seperti di dalam **Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 bertajuk “Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan”**. Pekeliling ini juga telah menetapkan agensi di semua peringkat pentadbiran perlu merujuk dan mendapatkan kelulusan teknikal bagi perolehan ICT daripada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang diurus setia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
  - 1.2.2. Surat **Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 bertajuk “Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam”** yang berkuatkuasa mulai 11 November 2015 telah menggariskan tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT sektor awam serta skop dan nilaikuasa mulai 11 November 2015 telah menggariskan tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT sektor awam serta skop dan nilai kelulusan yang memerlukan kelulusan teknikal di peringkat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang diurus setia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

1.2.3. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan

1.2.3.1. Surat **Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 bertajuk “Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam”** dan

1.2.3.2. **“Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Kerajaan Negeri Selangor”**.

## **2. STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

2.1. Struktur tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT LUAS adalah seperti di Lampiran **A** yang meliputi jawatankuasa seperti berikut:

2.1.1. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT).

2.1.2. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).

### 3. KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA PEMANDU ICT(JPICT) LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

3.1. Keahlian JPICT LUAS adalah seperti berikut:

**Pengerusi:** Pengarah

**Ahli – ahli:**

- a. Ketua Penolong Pengarah@Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai;
- b. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan;
- c. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundangan & Penguatkuasaan;
- d. Pegawai Tadbir, Bahagian Khidmat Pengurusan;
- e. Pegawai Penerangan, Unit Korporat;
- f. Akauntan, Unit Kewangan;
- g. Pegawai Tadbir, Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti;
- h. Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Teknologi Maklumat;
- i. Penolong Juruaudit, Unit Audit Dalam;
- j. Penolong Jurutera, Unit Pelesenan;
- k. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (1), Unit Teknologi Maklumat;
- l. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (2), Unit Teknologi Maklumat;
- m. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (3), Unit Teknologi Maklumat; dan
- n. Ahli Jemputan yang berkaitan.

**Urusetia:** Unit Teknologi Maklumat



- 3.2. Bidang Tugas JPICT LUAS adalah seperti berikut:
- 3.2.1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan Projek-Projek ICT LUAS;
  - 3.2.2. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT LUAS;
  - 3.2.3. Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT supaya selaras dengan Pelan Strategik LUAS dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat LUAS;
  - 3.2.4. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
  - 3.2.5. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT LUAS serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
  - 3.2.6. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
  - 3.2.7. Mengemukakan cadangan perolehan ICT kepada JPICT Pejabat SUK Negeri untuk kelulusan (yang berkaitan sahaja);
  - 3.2.8. Mengemukakan laporan perolehan ICT yang telah diluluskan diperingkat JPICT LUAS dan telah dibuat perolehan kepada JPICT Pejabat SUK Negeri Selangor.

#### 4. KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

4.1. Keahlian JTICT LUAS adalah seperti berikut:

**Pengerusi:** Ketua Pegawai Maklumat (CIO),  
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai

**Ahli – ahli:**

- a. Jurutera Hidrologi, Unit Hidrologi;
- b. Jurutera Projek, Unit Projek;
- c. Pegawai Tadbir (Penguatkuasaan), Unit Penguatkuasaan
- d. Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Teknologi Maklumat;
- e. Penolong Akauntan, Unit Kewangan;
- f. Penolong Pegawai Tadbir, Unit Pengurusan Pejabat
- g. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (1), Unit Teknologi Maklumat;
- h. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (2), Unit Teknologi Maklumat;
- i. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (3), Unit Teknologi Maklumat; dan
- j. Ahli Jemputan yang berkaitan.

**Urusetia:** Unit Teknologi Maklumat

4.2. Bidang Tugas JTICT LUAS adalah seperti berikut:

- 4.2.1. Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT LUAS;
- 4.2.2. Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT LUAS;
- 4.2.3. Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT LUAS dan melaporkan kepada JPICT LUAS;
- 4.2.4. Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT LUAS serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT LUAS;
- 4.2.5. Menyediakan laporan kepada JPICT LUAS mengikut keperluan; dan
- 4.2.6. Meneroka teknologi baru dan terkini dalam memastikan aruspembangunan Projek-Projek ICT LUAS seiring dengan keperluan teknologi semasa.

## **5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT**

5.1. Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT adalah seperti berikut:

- 5.1.1. Semua permohonan perolehan projek ICT hendaklah mendapatkan kelulusan JPICT LUAS dan mempunyai peruntukan yang telah diluluskan oleh Kewangan LUAS sebelum dikemukakan kepada urusetia JTICT LUAS.
- 5.1.2. Setiap permohonan perolehan projek ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian pasaran yang telah dilaksanakan, laporan pengurusan nilai, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi

perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.

- 5.1.3. Kajian pasaran, format kertas cadangan dan slaid pembentangan adalah seperti di Lampiran **B**, Lampiran **C** dan Lampiran **D**.
- 5.1.4. Had Nilai dan peringkat kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di Lampiran **E**.
- 5.1.5. Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di Lampiran **F-1** dan Lampiran **F-2**.
- 5.1.6. Sebelum perolehan projek ICT dilaksanakan, semua projek ICT mesti mendapatkan kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan memberi implikasi kepada proses pembayaran dan penyenggaraan.

## **6. PEMAKAIAN**

- 6.1. Garis Panduan ini terpakai untuk LUAS bagi semua projek ICT yang dibiayai oleh:
  - 6.1.1. Peruntukan Lembaga Urus Air Selangor.
- 6.2. Bagi projek ICT yang dibiayai selain di para 6.1 perlu mematuhi
  - 6.2.1. Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Kerajaan Negeri Selangor, dan
  - 6.2.2. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015.


## **7. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL**

- 7.1. Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan ICT yang dikeluarkan oleh **JPICT LUAS** adalah **dua (2) tahun** daripada tarikh sijil kelulusan.

## **8. PENUTUP**

- 8.1. Semua kakitangan Lembaga Urus Air Selangor hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

**Struktur Tadbir Urus  
Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT  
Lembaga Urus Air Selangor**



Rajah 1: Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT LUAS

LAMPIRAN B

**BORANG KAJIAN PASARAN PROJEK ICT  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

1. Sila lengkapkan butiran perolehan seperti berikut:

<b>Tajuk Projek</b>	.....	
<b>Kategori Projek</b>		<b>Tandakan (√)</b>
	i. Projek Baharu	
	ii. Peningkatan Sistem	
	iii. Pertambahan Peralatan	
	iv. Peluasan Projek	
	v. Perunding/Kajian ICT	
<b>Sumber Bajet</b>		
	LUAS	
	NEGERI SELANGOR	
	LAIN-LAIN (NYATAKAN) .....	
<b>Kategori Bajet</b>		
	MENGURUS	
	PEMBANGUNAN	
<b>Kaedah Perolehan(Nyatakan):</b> .....		

2. Jumlah Anggaran Perolehan:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Anggaran Harga Jabatan	
			Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
<b>JUMLAH BESAR</b>				

\* Sila guna lampiran jika perolehan melibatkan pelbagai item.

3. Sumber Maklumat Anggaran Harga Jabatan (lampirkan):

<b>Kaedah</b>	<b>Tandakan (√)</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>
<b>Laman Web</b>		
<b>Harga belian terdahulu</b>		
<b>Lain-lain</b>		

4. Ringkasan Maklumat Pembekal dan Harga Tawaran Terkini (lampirkan):

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pembekal</b>	<b>Harga Tawaran (RM)</b>	<b>Catatan</b>

Catatan (Sekiranya ada):

---

Perakuan: Kami mengesahkan semua maklumat di atas adalah benar. Kami mengakui bahawa telah melaksanakan kajian pasaran dan menyediakan maklumat pembekal dan harga tawaran terkini untuk pilihan yang paling menguntungkan Lembaga Urus Air Selangor.

Penyedia:

Peraku:

---

---

Nama:

Nama:

Tarikh:

Tarikh:

Jawatan dan Gred:

Jawatan dan Gred:





Lembaga Urus Air Selangor

**CONTOH**

**Format  
Kertas  
Cadangan**

**Font – Arial  
Size – 14**

**PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL  
JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR/ PEJABAT SUK SELANGOR**

Mengemukakan Kertas Cadangan

**(TAJUK PROJEK ICT)**

Oleh

**BAHAGIAN/UNIT/CAWANGAN  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

## 1. TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Lembaga Urus Air Selangor/ Pejabat SUK Selangor mengenai cadangan melaksanakan **(Tajuk Projek ICT)**.

## 2. LATARBELAKANG PROJEK

Xxx

## 3. OBJEKTIF

- 3.1. xxx
- 3.2. xxx
- 3.3. xxx

## 4. JUSTIFIKASI PELAKSANAAN

- 4.1. xxx
- 4.2. xxx
- 4.3. xxx

## 5. IMPLIKASI KEWANGAN

Anggaran kos bagi **(Tajuk Projek ICT)** adalah berjumlah **RMXXX** menggunakan bajet **(Kod Akaun XXX)**. Projek ini akan dilakukan selama **(Tempoh Projek)**.

Sila rujuk **Lampiran C-1: Jadual Anggaran Kos Keseluruhan Projek/Perolehan**.

## 6. SYOR

Kertas cadangan ini dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Lembaga Urus Air Selangor / Pejabat SUK Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan.

## 7. PERAKUAN

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Lembaga Urus Air Selangor/ Pejabat SUK Selangor adalah dipohon menimbang perakuan syor di **para 6.0** seperti di atas.

## 8. MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Nama Pegawai Penyelaras:

Jawatan:

Gred Jawatan:

No. Telefon:

No.Fax:

Emel:

## KEPUTUSAN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Lembaga Urus Air Selangor/ Pejabat SUK Selangor dengan ini meluluskan / tidak meluluskan cadangan perolehan ICT iaitu **(Tajuk Projek ICT)**.

---

( )

Tarikh :

Lampiran C-1

**JADUAL ANGGARAN KOS KESELURUHAN PROJEK**

**(TAJUK PROJEK)**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kos (RM)</b>
<b>A.</b>	<b>Kajian Keperluan Sistem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekabentuk Sistem</li> <li>• Proses Kerja (Perjalanan Sistem)</li> </ul> <b>Dokumentasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>User Requirement Specification (URS)</i></li> <li>• <i>System Requirement Specification (SRS)</i></li> </ul>	<b>xxx</b>
	<b>Pembangunan Modul</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Xxx</li> <li>• Xxx</li> <li>• Xxx</li> </ul>	<b>xxx</b>
	<b>Pengujian</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Migrasi Data</li> <li>• <i>User Acceptance Test (UAT)</i></li> <li>• <i>Provisional Acceptance Test (PAT)</i></li> <li>• <i>Final Acceptance Test (FAT)</i></li> </ul> <b>Permasangan Dan Konfigurasi Sistem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Migrasi Data dan Server</li> <li>• Kaedah Backup Data</li> </ul> <b>Dokumentasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Manual Pengguna dan Teknikal</li> <li>• Manual Operasi</li> </ul>	<b>xxx</b>
	<b>Latihan dan Pemindahan Teknologi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan Teknikal</li> <li>• Latihan Pengguna</li> </ul>	<b>xxx</b>
	<b>Waranti 1 tahun selepas penyerahan sistem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Sokongan dan Penyelenggaraan secara <i>On Site</i> dan Secara Atas Talian</li> <li>• Pembedetulan Ralat</li> </ul>	<b><i>included</i></b>
<b>B.</b>	<b>Perkakasan &amp; Perisian ICT (rujuk Lampiran C-2)</b>	<b>xxx</b>
<b>C.</b>	<b>Tempoh pelaksanaan projek</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RMxxx</b>

**Spesifikasi Teknikal Peralatan/Perisian ICT****(TAJUK PROJEK)**

<b>Bil.</b>	<b>Spesifikasi Teknikal (Minima)</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

## Format Slaid Pembentangan

---

**BIL. PERKARA**

- 1. Tajuk Kertas Cadangan dan Nama Bahagian/Unit**
  - 2. Latar Belakang**
  - 3. Objektif**
  - 4. Justifikasi**
  - 5. Implikasi Kewangan**
-


Lampiran E

Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT Bagi Lembaga Urus Air Selangor


BIL.	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	PERINGKAT KELULUSAN	
				BAJET LUAS	BAJET NEGERI SELANGOR
				JPICT LUAS	JPICT SUK
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	√	-
			≥ 50K	√	√
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	√	-
			≥ 500K	√	√
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	≥ 50K	√	√
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	√	-
			≥ 500K	√	√
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	√	-
			≥ 500K	√	√
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi	≥ 50K	√	√
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	√	-
			≥ 500K	√	√



**Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT  
Lembaga Urus Air Selangor  
(Peringkat Jawatankuasa Teknikal ICT LUAS)**



**Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT  
Lembaga Urus Air Selangor  
(Peringkat Jawatankuasa Pemandu ICT LUAS)**



Urusetia JPICT mengadakan mesyuarat JPICT LUAS.

Mesyuarat membuat keputusan sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak.

Jika LULUS, mesyuarat akan menyemak sumber bajet yang digunakan.

Jika bajet LUAS, Urusetia akan mengeluarkan Sijil Kelulusan Teknikal kepada pemohon.

Selain bajet LUAS, Urusetia JPICT akan mengemukakan permohonan ke peringkat JPICT SUK SELANGOR.